

Perlembagaan Persatuan Linguistik Malaysia



I. Nama dan Alamat

Persatuan ini akan dinamakan **Persatuan Linguistik Malaysia**, yang di bawah ini akan dirujuk sebagai Persatuan. Alamat Persatuan ini adalah alamat Setiausaha Kehormat yang bertugas (Alamat sekarang ialah: d/a Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur). Tempat mesyuarat Persatuan ialah Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor atau Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur atau tempat-tempat yang akan ditetapkan oleh Majlis oleh Majlis dari waktu ke waktu. Tempat menjalankan kerja atau mesyuarat tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

II. Tujuan

Tujuan Persatuan ini adalah untuk menggalakkan pengkajian terhadap bahasa-bahasa dan masalah-masalah bahasa di Malaysia serta mengeratkan perhubungan antara pengkaji-pengkaji bahasa.

III. Kegiatan

Kegiatan Persatuan ini akan meliputi:

- i) Penyelidikan,
- ii) penyebaran pengetahuan yang berhubung dengan bidang-bidang yang ditentukan di atas (Peraturan II) dengan cara memberi ceramah, penerbitan, seminar dan media lain yang dianggap layak oleh Persatuan dari waktu ke waktu,
- iii) mengadakan hubungan dengan badan-badan lain yang mempunyai tujuan yang sama,
- iv) mengadakan kerjasama yang erat dengan ilmu-ilmu dan bidang-bidang yang berkaitan dengan linguistik, seperti antropologi, sosiologi, kesusasteraan dan sebagainya.

IV. Perbendaharaan

- i) Perbendaharaan Persatuan ini akan dipenuhi dari sumber-sumber berikut: Yuran, grant dan derma dan sumber-sumber lain yang dianggap layak oleh Persatuan dari waktu ke waktu.
- ii) Tahun kewangan Persatuan ialah bulan Jun hingga Mei tiap-tiap tahun.
- iii) Disyaratkan kepada peruntukan-peruntukan yang berikut bagi undang-undang ini, wang Persatuan ini boleh digunakan untuk perkara-perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji, dan upah memeriksa kira-kira, tetapi walau bagaimanapun tidak boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman di mahkamah.
- iii) Bendahari dibolehkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada \$100.00 pada suatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan di dalam tempoh tujuh hari ke dalam bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa, Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Persatuan.
- iv) Segala cek atau kenyataan Persatuan pengeluaran wang dari kira-kira Persatuan hendaklah ditandatangani bersama oleh Presiden (atas ketiadaannya oleh Timbalan Presiden), Setiausaha dan Bendahari. Kerana ketiadaan Setiausaha atau Bendahari maka bolehlah majlis melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti untuk menurunkan tandatangan.
- v) Perbelanjaan yang lebih daripada \$100.00 bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, dan perbelanjaan yang lebih daripada \$100.00 bagi sebulan tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran mesyuarat agung terlebih dahulu.
- vi) Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan berserta imbalan kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan dan diperiksa oleh juruaudit/juru-juru audit mengikut undang-undang II, dengan seberapa segeranya setelah tamat tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan mesyuarat agung tahunan yang berikutan, dan salinan-salinannya hendaklah boleh diperolehi untuk makluman ahli dari alamat yang berdaftar atau dari tempat mesyuarat bagi Persatuan.

V. Keanggotaan

Keanggotaan Persatuan ini terbuka kepada semua yang berminat dalam tujuan-tujuan Persatuan dengan syarat disetujui oleh majlis Keanggotaan terdiri dari tiga kategori:

- i) Keanggotaan biasa
 - ii) Keanggotaan seumur hidup
 - iii) Keanggotaan Kehormat.
-
- i) Keanggotaan Biasa
 - a) Permohonan untuk keanggotaan biasa hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Kehormat, dicadang serta disokong oleh anggota-anggota Persatuan.
 - b) Anggota biasa hendaklah dipilih oleh Majlis.
 - c) Yuran untuk keanggotaan biasa adalah sebanyak \$30.00 setahun, yang dibayar kepada Bendahari Kehormat persatuan sebelum bulan Jun pada tahun berlakunya keanggotaan itu.
 - d) Pengunduran dari keanggotaan biasa hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Kehormat, tetapi yuran tidak akan dikembalikan.
 - e) Seseorang anggota biasa yang gagal membayar yuran untuk dua tahun berturut-turut dianggap sudah mengundurkan keanggotaannya. Anggota yang seperti itu akan diterima kembali ke dalam Persatuan apabila semua yuran kebelakangannya dibayar.
 - f) Anggota-anggota biasa akan mempunyai hak mengundi di Mesyuarat Agung dan layak bertanding untuk jawatan-jawatan Persatuan.
 - ii) Keanggotaan Seumur Hidup
 - a) Permohonan untuk keanggotaan seumur hidup hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Kehormat, dicadang dan disokong oleh anggota-anggota Persatuan.
 - b) Anggota-anggota seumur hidup akan dipilih oleh Majlis.
 - c) Keanggotaan seumur hidup akan dianugerahkan kepada pemohon dengan bayaran sejumlah \$200.00 sekaligus kepada Bendahari Kehormat.

- d) Seseorang anggota seumur hidup boleh mengundurkan keanggotaannya, tetapi yuran seumur hidupnya tidak akan dikembalikan kecuali dengan persetujuan Majlis.
 - e) Anggota-anggota seumur hidup akan mempunyai hak mengundi di Mesyuarat Agung dan layak bertanding untuk jawatan-jawatan Persatuan.
- iii) Keanggotaan Kehormat
- a) Keanggotaan Kehormat boleh dianugerahkan oleh Persatuan dengan perakuan Majlis ke atas sesiapa sahaja yang sudah memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada kesarjanaan linguistik.
 - b) Anggota-anggota kehormat tidak akan membayar sebarang yuran, tetapi boleh menikmati semua hak anggota biasa kecuali hak mengundi dan kelayakan bertanding untuk jawatan-jawatan Persatuan.

Keberhentian keanggotaan daripada Persatuan hendaklah dibuat melalui kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada setiausaha dan membayar segala hutang-hutangnya.

VI. Pegawai-pegawai Persatuan

- i) Pegawai-pegawai Persatuan akan dipilih untuk dua tahun dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan akan memegang jawatan sehingga pengganti-pengganti mereka dipilih. Pemegang-pemegang jawatan pegawai Persatuan hendaklah Warganegara Malaysia.
- ii) Pegawai-pegawai Persatuan terdiri daripada:
 - Seorang Presiden
 - Seorang Timbalan Presiden
 - Seorang Setiausaha Kehormat
 - Seorang Penolong Setiausaha Kehormat
 - Seorang Bendahari Kehormat, dan
 - Enam orang ahli Majlis.
- iii) Kewajipan Pegawai-pegawai

- a) Presiden dalam masa memegang jawatannya, hendaklah menjadi pengerusi semua mesyuarat agung dan semua mesyuarat jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan mesyuarat-mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan-peringatan mesyuarat bila telah diluluskan. Ia hendaklah menandatangani semua cek Persatuan bersama-sama dengan Setiausaha dan Bendahari.
- b) Timbalan Presiden hendaklah memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya.
- c) Setiausaha hendaklah menjalankan kerja-kerja Persatuan mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah-perintah mesyuarat-mesyuarat agung dan jawatankuasa. Ia bertanggungjawab menguruskan hal-hal surat-menyurat dan menyimpan buku-buku, surat-surat dan kertas-kertas kecuali kira-kira dan buku-buku kewangan. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catatan-catatan. Ia hendaklah menandatangani semua cek Persatuan bersama-sama dengan Presiden dan Bendahari.
- d) Penolong Setiausaha hendaklah menolong Setiausaha menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.
- e) Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan dengan semua hal kewangan Persatuan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas kebetulannya. Ia hendaklah menandatangani semua cek Persatuan bersama-sama dengan Presiden dan Setiausaha.

VII. Majlis

- i) Majlis hendaklah merupakan penguasa untuk Persatuan dan terdiri daripada pegawai-pegawai Persatuan.
- ii) Pekerjaan majlis ialah mengelola dan mengatur kerja-kerja harian Persatuan dan membuat keputusan asas perkara-perkara mengenai perjalanan Persatuan dengan tidak terkeluar dari dasar umum yang ditetapkan oleh mesyuarat agung. Majlis seharusnya tidaklah boleh membuat keputusan bertentangan dengan keputusan mesyuarat agung dengan tidak terlebih dahulu dengannya dan Majlis mestilah sentiasa taat kepada keputusan mesyuarat agung. Majlis

hendaklah memberi laporannya berkenaan dengan kegiatannya pada tahun lalu kepada tiap-tiap mesyuarat agung tahunan.

- iii) Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun, dan 2 hari pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah dibuat kepada ahli-ahli. Presiden dengan bersendirian atau tidak kurang daripada 3 ahli Majlis boleh memanggil mesyuarat.
- iv) Korum pada mesyuarat Majlis adalah enam orang.
- v) Majlis mempunyai kuasa mengambil (*co-opt*) mana-mana anggota biasa atau anggota seumur hidup sebagai pegawai yang meninggalkan jawatannya disebabkan pengunduran diri atau keuzuran.
- vi) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Majlis dan mesyuarat Majlis tidak dapat diadakan, maka bolehlah Setiausaha menerima keputusan Majlis dengan surat pekelilingan. Syarat-syarat yang berikut hendaklah disempurnakan sebelum keputusan Majlis boleh dianggap sebagai diterima.
 - a) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekelilingan yang dihantar kepada tiap-tiap ahli Majlis.
 - b) Sekurang-kurangnya setengah daripada ahli-ahli Majlis menyatakan persetujuan atau bantahan mereka kepada cadangan itu, dan
 - c) Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak.
- vii) Majlis boleh memberi perintah kepada Setiausaha dan lain-lain pegawai untuk menjalankan urusan Persatuan. Ia boleh melantik pengurus-pengurus dan kakitangan yang difikirkannya mustahak. Ia boleh melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai dalam pekerjaan, curang, tidak cepak, engkar menjalankan keputusan majlis atau kerana sebab-sebab yang difikirkan merosakkan Persatuan.
- viii) Jika seorang Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, maka berkuasalah jawatankuasa melantik lain ahli Persatuan bagi memenuhi kekosongan itu sehinggalah mesyuarat agung tahunan diadakan.

VIII. Pemilihan Pegawai

- i) Pencalonan yang sudah dicadangkan dan disokong oleh anggota-anggota dan ditandatangani oleh calon hendaklah sampai kepada Setiausaha tiga minggu sebelum Mesyuarat Agung Tahunan.
- ii) Pengundian hendaklah dijalankan secara undi terbuka atau rahsia menurut kehendak anggota-anggota yang hadir di Mesyuarat Agung Tahunan atau dengan pos. Undi-undi yang dikirim melalui pos hendaklah sampai kepada Setiausaha Persatuan dua hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan.

IX. Mesyuarat Agung Tahunan

- i) Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan dalam bulan September tiap-tiap tahun sekurang-kurangnya dua minggu sesudah pemberitahuan mengenainya disampaikan kepada semua anggota biasa dan anggota seumur hidup.
- ii) Setengah dari anggota biasa atau anggota seumur hidup atau 2 kali ahli Majlis akan membentuk korum dalam Mesyuarat Agung Tahunan.
- iii) Mesyuarat Agung Tahunan akan menerima laporan dari ahli Majlis.
- iv) Mesyuarat Agung Tahunan akan memilih Majlis baru untuk dua tahun berikutnya.
- v) Kerja-kerja Mesyuarat Agung Tahunan ialah:
 - a) Menerima laporan Jawatankuasa berkenaan kerja-kerja Pertubuhan di dalam tahun yang lalu;
 - b) Menerima laporan Bendahari dan penyata wang yang telah diaudit bagi tahun yang lalu;
 - c) Melantik ahli-ahli Jawatankuasa dan pemeriksa kira-kira untuk tahun yang akan datang;
 - d) Menguruskan lain-lain perkara yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.

Pengumuman awal kerana mesyuarat agung tahunan yang menerangkan tarikh, waktu dan tempat, dan panggilan untuk memberi cadangan-cadangan yang hendak dibicarakan, cadangan-cadangan untuk meminda undang-undang dan pencalonan-pencalonan untuk pemilihan ahli-ahli Jawatankuasa, hendaklah dikirimkan oleh Setiausaha kepada tiap-tiap ahli tidak lewat daripada 14 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk bermesyuarat, dan pengumuman ini hendaklah ditunjukkan supaya jelas kelihatan di Pejabat yang telah didaftarkan atau di tempat mesyuarat bagi Pertubuhan.

Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 14 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa mengubah undang-undang Pertubuhan dan membuat keputusan-keputusan mengenai semua ahli. Bagi mesyuarat agung khas atas permintaan ahli-ahli maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan, dan sekurang-kurangnya 6 bulan daripada tarikh itu mesyuarat agung khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

X. Mesyuarat Luar Biasa

- i) Majlis akan menganjurkan Mesyuarat Agung Luar Biasa bila-bila masa jika Setiausaha Kehormat menerima permohonan bertulis yang ditandatangani oleh sekurang-kurangnya **lima orang anggota biasa atau anggota seumur hidup** yang ingin menyampaikan resolusi-resolusi khusus kepada mesyuarat seperti itu.
- ii) Pemberitahuan hendaklah disampaikan kepada anggota-anggota biasa dan anggota-anggota seumur hidup sekurang-kurangnya dua minggu sebelum mesyuarat yang seperti itu diadakan.
- iii) Korum untuk mesyuarat yang seperti itu adalah seperti yang terdapat dalam Perkara IX (ii)

XI. Pindaan kepada Perlembagaan

Pindaan kepada perlembagaan mestilah dicadangkan secara bertulis kepada Majlis, yang akan menyampaikannya kepada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang dianjurkan untuk tujuan yang seperti itu, atau kepada Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya. Pindaan-pindaan yang dicadangkan itu akan dikepilkan bersama-sama dengan pemberitahuan, mesyuarat yang dihantar kepada anggota-anggota biasa dan seumur hidup di bawah Perkara IX (i) dan X (ii). Pindaan-pindaan boleh disetujui hanya dengan undi dua pertiga dari anggota-anggota yang hadir dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa atau Tahunan. Jika disetujui perubahan-perubahan akan dikuatkuasakan pada tarikh yang ditentukan oleh mesyuarat itu. Pindaan kepada peraturan dalam Perlembagaan tidak boleh berlaku tanpa izin dari Pendaftar Persatuan.

XII. Pemeriksa Kira-kira

- i) Satu orang atau lebih yang bukannya Pegawai-pegawai Persatuan boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-kira Kehormat. Ia/Mereka akan memegang jawatan selama satu tahun dan tidak boleh dilantik semula.
- ii) Pemeriksa atau pemeriksa-pemeriksa kira-kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira Persatuan bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk mesyuarat agung. Ia/mereka harus juga dikehendaki bila-bila masa oleh Presiden memeriksa kira-kira Persatuan bagi mana-mana masa dalam tempoh jawatan mereka dan membuat laporan kepada Majlis.

XIII Larangan

- a) Dilarang menghisap candu di dalam rumah Persatuan dan membawa masuk perempuan lucah dan orang-orang jahat ke dalam rumah Persatuan.
- b) Permainan yang disediakan di bawah ini tidak boleh dimainkan di dalam rumah Persatuan: Roulette, Lotto, Fan Tan, Poh, Peh Bin, Belangkai, Pai Kau, Tau Ngau, Tien Kow, Chap Ji Kee, Sam Cheong, Dua Puluh Satu, Sepuluh dan Setengah, semua permainan dadu, *banker's game* dan semua permainan yang bergantung semata-mata kepada nasib.

- c) Persatuan atau ahli-ahlinya tidak boleh mencuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti diterangkan di dalam Undang-undang Kesatuan sekerja, 1959.
- d) Persatuan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Persatuan atau pegawai-pegawainya atau Jawatankuasa atau ahli.
- e) Persatuan ini adalah dilarang daripada mempunyai gabungan atau perhubungan di luar Pesekutuan.

Seseorang pelajar Universiti atau kolej Universiti tidak akan diterima menjadi ahli Persatuan kecuali ia telah dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor Universiti atau kolej Universiti yang berkenaan.

XIV. Pembubaran

- a) Persatuan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima jumlah semua ahli-ahli.
- b) Sekiranya Persatuan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas maka segala hutang dan tanggungan Persatuan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujukan di dalam mesyuarat agung.

XV. Tafsiran

Majlis boleh memberi tafsirannya kepada undang-undang ini dan bila mustahak memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini di waktu-waktu antara mesyuarat-mesyuarat agung.